

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN
(AMPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.05.2015

Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pasca pelaksanaan GST dan SST kerana kedua-dua cukai tersebut masih dikenakan pada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) telah dimansuhkan dan diganti dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 April 2014. SST yang dikenakan sebelum 1 April 2015 adalah dibayar dalam penyata terakhir yang dikemukakan

kepada Jabatan Kastam mulai 1 April hingga 28 April 2015.

Tanggapan bahawa rakyat dikenakan cukai dua kali atau *double taxation* adalah tidak tepat kerana stok barang yang telah dibayar SST tetapi tidak dapat dijual sebelum 1 April 2015 boleh menuntut kembali cukai jualan tersebut. Perkara ini termaktub di bawah subseksyen 190 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Sehubungan dengan itu, pengguna hanya membayar satu cukai sahaja dan tiada elemen *double taxation* dan tiada peningkatan kos perniagaan.